

24 SEP 2001

Mahathir-tolak

DR MAHATHIR AKHIRI KEMPEN DENGAN MINTA PENGUNDI TOLAK PEMBANGKANG

KUCHING, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menamatkan kempen seharinya dalam pilihanraya Sarawak dengan meminta pengundi menolak parti-parti pembangkang dalam pengundian Khamis ini.

Beliau berkata parti-parti pembangkang dari Semenanjung terdiri Pas, Parti Keadilan Nasional dan DAP, hanya datang untuk membuat kacau di Sarawak, sebuah negeri yang sebelum ini telah menghadapi pilihanraya dengan tenang.

Parti-parti itu telah membawa budaya buruk ke Sarawak seperti mengugut pengundi yang tidak menyokong mereka dan bertindak secara samseng, katanya ketika berucap pada satu perjumpaan bersama rakyat di Stadium Perpaduan di sini.

"Rakyat Sarawak mesti menyampaikan mesej bahawa mereka (parti pembangkang) dan budaya kotor mereka tidak dikehendaki di Sarawak," kata Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional.

Dr Mahathir yang tiba pagi tadi, telah berlepas pulang ke ibu negara sebaik selesai majlis malam ini.

Perdana Menteri berkata parti-parti pembangkang dari Semenanjung itu sepatutnya tidak datang ke Sarawak dan "memadailah mereka dibelasah di Semenanjung".

BN Sarawak yang dianggotai Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) memenangi empat kerusi tanpa bertanding pada hari penamaan calon pada 18 Sept.

Bagi baki 58 kerusi, BN ditentang oleh ketiga-tiga parti dari Semenanjung itu selain parti tempatan, STAR dan 63 calon Bebas.

Perdana Menteri juga mempersoalkan bagaimana parti pembangkang boleh membentuk kerajaan negeri sedangkan mereka meletakkan calon-calon yang tidak mencukupi untuk memenangi pilihanraya.

Beliau berkata Pas hanya menurunkan tiga calon manakala Keadilan meletakkan mereka daripada kalangan orang yang kecewa kerana tidak diberikan tempat oleh BN.

Dr Mahathir yakin rakyat Sarawak tidak akan tertipu oleh pujuk rayu pembangkang yang hanya pandai berjanji semata-mata untuk memancing undi.

Sungguhpun parti pembangkang seperti DAP yang merayu supaya mereka diberikan tempat dalam dewan undangan negeri, namun rakyat tidak perlu bersimpati dengan mereka, katanya.

"Walaupun mereka tak ada dalam dewan, tapi dalam "Roket" (lidah rasmi DAP) banyak teguran dibuat terhadap kerajaan. Kita akan benarkan DAP menyimpan roketnya dan Pas dengan Harakahnya tapi tak ada tempat bagi mereka dalam dewan undangan negeri," katanya.

Dr Mahathir berkata gabungan pembangkang yang mendakwa mereka sebagai alternatif kepada BN hanyalah "angan-angan Mat Jenin".

Sementara parti-parti komponen BN mempunyai prinsip dan perjuangan yang sama untuk membangunkan negara, parti-parti pembangkang itu saling menipu sesama mereka demi kepentingan sendiri, katanya.

-- BERNAMA

NZ AZZ MAI